

Teks Ucapan

Pengiran Hajah Mahani binti Pengiran Haji Ahmad  
Pemangku Pengarah Muzium  
Jabatan Muzium-Muzium

Semasa

Kempen kebersihan dan penanaman pokok buah-buahan di kawasan Muzium Maritim Brunei Darussalam dan sekitarnya

Tarikh : 12 Oktober 2020 bersamaan 24 Safar 1442  
Tempat : Muzium Maritim Brunei Darussalam  
Jam : 3.30 petang

Bismillahirrahmannirrahim

Yang Berhormat

Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, selaku tetamu kehormat majlis.

Yang Mulia Puan Hajah Nor Ashikin bin Haji Johari,  
Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kemasyarakatan)  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia

Puan Dr Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah,  
Timbalan Setiausaha Tetap,  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Mulia, Pengarah-pengarah, Pemangku Ketua Kampong Pelambayan, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan, para hadirin dan para media yang dihormati sekalian. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian biskita hadir meluangkan masa pada petang ini untuk sama-sama menjayakan majlis berkebajikan ini.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, dipanjatkan segala puji dan syukur hanya kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala, Selawat serta salam keatas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wa Sallam, kaum kerabat, para sahabat dan pengikut-pengikut baginda yang taat setia hingga ke akhir zaman. Dengan Limpah, rahmat dan izin-Nya juga kita dapat berkumpul dalam Mahlis Perasmian Kempen Kebersihan dan Penanaman Pokok Buah-Buahan yang diselajurkan dengan Penanaman Bunga di kawasan Muzium Maritim dan sekitarnya seperti mana yang dirancang pada petang ini.

Yang Berhormat Dato dan para hadirin yang dihormati sekalian.

Sebanyak 177 buah pokok yang akan ditanam sama adaehsan atau dibeli iaitu 52 buah pokok dari pelbagai jenis klon dan biji seperti durian kuning, asam aur-aur, cempedak, manggis, longan, nona dan sebagainya. Manakala 125 pohon bunga akan ditanam dari 4 jenis seperti bunga merak, bunga kertas, exora dan Agave Americana. Di kesempatan ini, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih sebelumnya kepada Stesen Penyelidikan Pertanian Birau, Tutong, Jabatan Pertanian yang telah berkesudian menyumbangkan 30 pokok buah iaitu Durian Kuning 94 pohon), Durian Pulu (1 pohon), Durian Salat (3 pohon), Nona purple (2 pohon), Asam Aur-Aur (15 pohon) dan Pohon Jagus (5 pohon). Penghargaan dan terima kasih juga saya tujuhan buat Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi yang telah menyumbangkan sebanyak 66 pokok bunga iaitu 10 pohon bunga kertas, 50 pohon bunga exora Sunkist red dan 6 pohon Bunga Agave Americana.

Adapun kempen pada petang ini bukan hanya bertujuan membisaikan dan mencantikkan lagi kawasan persekitaran agar nyaman mata memandang tetapi merupakan salah satu program latihan meningkatkan perkembangan kapasiti sumber tenaga manusia dengan tujuan melatih dan mendidik dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran warga Jabatan Muzium-Muzium mempelajari sesuai di luar bidang masing-masing dalam bentuk ‘environmental education’. Pendidikan ini secara tidak langsung membantu semua warga mengekalkan tradisi bergotong-royong yang diwarisi sejak turun-temurun dalam apa jua aktiviti yang dilaksanakan. Sesuatu warisan tidak akan terhakis oleh arus kemodenan jika kita terus mempertahankan dan mempraktikkannya. Kempen seperti ini akan diusahakan secara berterusan dan dilaratkan lagi ke kawasan lain di bawah kawalan Jabatan Muzium-Muzium secara berperingkat-peringkat di seluruh negara.

Menyedari dan memahami akan terdapatnya isu-isu faktor alam dan cabaran-cabaran semasa tahap pertumbuhan tanaman maka pemantauan, pemeliharaan dan khidmat nasihat dari Jabatan Pertanian dan JASTRE amat diharapkan dan diperlukan. Maka ‘environmental education’ yang disalurkan oleh kedua-dua jabatan ini nantinya sama ada melalui perkongsian maklumat dan bertukar-tukar fikiran secara tidak langsung akan memberi manfaat nilai tambah ilmu pengetahuan kepada warga Jabatan Muzium-Muzium khususnya yang akan bersara kelak.

Yang Berhormat Dato dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Menguasai kemahiran diri sebagai pembangunan ekonomi sara hidup dengan mengusahakan tanah lapang bukan hanya menyihatkan tubuh badan, nampak nyaman mata memandang dengan adanya tumbuhan-tumbuhan apabila berkembang sihat dan dapat menikmatinya bila dipetik bak kata pepatah, ‘berbudi pada tanah, pasti akan mendapat hasilnya’. Namun secara tidak langsung apa yang kitani laksanakan hari ini juga sebagai ibadah amalan jariah yang tidak berputus tanpa disedari sepetimana sabda Rasullullah S.A.W. bermaksud :

‘Sesiapa daripada orang muslim yang menanam tanam-tanaman dan hasilnya dimakan oleh burung atau manusia ataupun binatang maka baginya mendapat pahala sedekah. (Riwayat Bukhari).

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas kehadiran Yang Berhormat Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya akan melancarkan perasmian Majlis Perasmian Kempen Kebersihan dan Penanaman Pokok Buah-Buahan yang diselajurkan dengan Penanaman Bunga di kawasan Muzium Maritim dan sekitarnya sebentar lagi. Terima kasih juga diucapkan kepada Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah-Pengarah, Pemangku Ketua Kampong, para Hadirin dan Media kerana berkesudian hadir meramai-ramaikan majlis kebajikan ini. Semoga Allah membalaas kebaikan biskita semua.

Sekian.

Wabillahit taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh